



KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

1. Pelawaan ini adalah terbuka kepada firma perunding perancangan bandar dan wilayah yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **330206** untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut :-

Bil.	No. Tender/ Nama Projek	Kod Bidang	Tarikh & Masa Tutup	Syarat Utama Pelawaan
1.	JPBD(IP)S 185/646/1-79 Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan	330206 (Perancangan Bandar dan Wilayah)	15 Februari 2019 (Jumaat) Jam 12.00 tengah hari	1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar di bawah kod bidang 330206 perancangan bandar dan wilayah; 2. Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah; dan 3. Ditawarkan kepada mana-mana firma yang belum dilantik bagi projek PLANMalaysia 2019 di bawah Kaedah Lantikan Terus Beserta Kos Siling (LTBKS). Ini bertujuan untuk menentukan firma yang akan dilantik dapat memberikan komitmen sepenuhnya sepanjang tempoh kajian.

2. Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh didapati daripada kaunter di **Seksyen Kewangan, Aras 2, Blok Tanjung, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur** bermula pada **17 Januari 2019** hingga **15 Februari 2019**.
3. Dokumen Pelawaan adalah dijual dengan kadar **RM50.00** bagi setiap satu (1) set.

- Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan “Cadangan Teknikal” dan “Cadangan Kos” di bahagian atas sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada :
-

**Ketua Pengarah
PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur.**

- Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Pelawaan Tender Terbuka di Seksyen Kewangan PLANMalaysia seperti alamat di atas **tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 15 Februari 2019**. Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- Firma perunding yang berminat adalah dijemput hadir ke sesi taklimat yang akan diadakan seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 24 Januari 2019 (Khamis)
Masa : 9.00 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Tingkat 20,
Wisma Tun Sambanthan
Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.**